

PROGRAM GOTONG-ROYONG PERDANA IBU PEJABAT JUPEM

Program Gotong-royong perdana JUPEM telah diadakan pada 11 Oktober 2018 bertempat di persekitaran Ibu Pejabat JUPEM. Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. Sr. Hj Mohamad Kamali bin Adimin, Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia. Seramai 600 orang pegawai dan kakitangan Ibu Pejabat JUPEM dan Pejabat Ketua Pengarah Tanah dan Galian Kuala Lumpur (JKPTG) terlibat menjayakan gotong-royong ini. Program ini telah mendapat kerjasama daripada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Cawangan Titiwangsa, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Cawangan Jalan Tun Razak dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APAM) Cawangan Wilayah Persekutuan.



